

## **PEMERKASAAN JATI DIRI MELAYU-ISLAM MELALUI KARYA- KARYA HAMKA DALAM MENDEPANI ARUS GLOBALISASI**

Norzaliza Haji Ghazali  
*zaliza@uum.edu.my*

Zeety Kartini Abdul Hamid  
*zeety@gmail.com*

Nurazwani Bt Zakaria  
*nurazwani@uum.edu.my*

Nurul Imtiaz Abd Gani  
*nurulimtiaz@uum.edu.my*

*Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah  
Universiti Utara Malaysia*

### **ABSTRAK**

Pada abad ke-21, warga dunia menghadapi cabaran, dan mengalami perubahan moden dalam metodologi berfikir. Nilai akhlak dalam kalangan masyarakat terbentuk daripada akulturasi nilai-nilai kerohanian yang mutlak dan suci yang termaktub dalam ajaran agama, terutamanya agama Islam. Di samping itu, nilai-nilai tradisi yang tidak bercanggah dengan sistem nilai, menjadi panduan kepada kelakuan, tatatertib, maruah dan perbuatan lahiriah yang mencerminkan akal budi dan keimanan masyarakat Malaysia. Era mutakhir ini telah memperlihatkan campur aduk antara nilai tradisi yang dicengkam oleh perkembangan budaya barat sekular yang berleluasa dalam segenap aspek kehidupan orang Melayu. Apabila agenda mencorakkan gaya hidup moden berlangsung tanpa melalui proses tapisan, maka impaknya akan menimbulkan pelbagai masalah sosial yang bertentangan dengan sosio-budaya tempatan. Pendekatan yang multidimensi diperlukan untuk mengajak masyarakat, supaya sentiasa bersedia untuk menghadapi cabaran dalam dunia langit terbuka. Dalam hal ini, karya-karya Hamka mampu membantu pembaca untuk memperkasakan jati diri Melayu-Islam. Hamka bijak menggabung-jalin ilmu-ilmu duniawi dan akhirat dengan realiti kehidupan masyarakat. Justeru, kertas kerja ini membincangkan pemeraksanaan jati diri melalui penulisan Hamka dalam mendepani kebejatan akhlak. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan pendekatan biografi yang mengkaji pemikiran tokoh. Data dikumpulkan menggunakan kaedah dokumentasi dan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati Hamka, sebagai seorang sasterawan dan pemikir Islam yang sentiasa melahirkan gagasan dan idea yang berlandaskan Al-quran dan As Sunnah melalui karya-karya beliau.

**Kata kunci :** *Pemeraksanaan, Hamka, jati diri, Melayu-Islam dan kebejatan akhlak.*

## Pengenalan

Penerbitan sesuatu bahan bacaan perlu mengambil kira aspek pembangunan modal insan masyarakat. Penyajian segala bentuk bahan penulisan perlu membuat pertimbangan dari aspek kualiti cerita, pengaruh cerita kepada masyarakat dan baik buruk penghasilan sesebuah karya dalam mempengaruhi minda pembaca. Iqbal seorang pujangga Islam yang terkemuka pernah mengungkapkan, jika anda ingin melihat masyarakat akan datang maka lihat, pandang dan renunglah generasi muda pada hari ini. Generasi muda bakal pewaris kecemerlangan ummah. Mereka bakal mencetus, mencorak dan seterusnya bakal menjadi seorang pemimpin. Tugas melahirkan generasi Islam yang bermutu adalah satu tanggungjawab dakwah dalam usaha menyediakan mereka sebagai khalifah dan pemimpin di masa hadapan. Kepentingan ini dinyatakan oleh al-Qaradhawi (2004) yang menyebut, Islam amat mengharapkan kepada para pemuda untuk mewarisi segala tugas dakwah berserta dengan amanah dan pengalaman di dalamnya agar tugas dakwah ini dapat bergerak dan berterusan di sepanjang jalan. Disebabkan itu, golongan pemuda dan pemudi harus dibentuk menurut acuan Islam dan pedoman al-Quran dan Sunnah agar mereka memiliki personaliti diri Muslim yang sejati dan tidak mudah goyah kepada sebarang ancaman pemikiran, fizikal, rohani mahupun spiritual.

Sehubungan itu, karya-karya samada yang berbentuk ilmiah mahupun kreatif yang merupakan rakaman pemikiran dan catatan pengembaraan rohaniah seseorang pengarang, perlu mempunyai kualiti yang tinggi dan bertunjangkan falsafah budaya. Nama Hamka tidak asing lagi dalam dunia penulisan di Indonesia mahupun Malaysia. Ketokohan Hamka sebagai hukama Melayu jelas dengan penampilan diri beliau sebagai ulama, ahli sejarah, sasterawan, budayawan, ahli politik dan penulis prolific. Ciri-ciri ini cukup untuk menempatkan beliau sebagai hukama. Kehadiran beliau sebagai anak Melayu, mengungkapkan ilmunya di dalam penulisan dengan bahasa Melayu yang tinggi dengan mengeksplorasi seluruh persekitaran budaya Melayu memberikan impak yang besar terutama dalam kalangan pembaca karyanya.

Perjuangan Hamka bermula dengan bidang penulisan. Beliau aktif menulis semenjak belasan tahun. Tulisan pertamanya adalah sebuah cerita berjudul Siti Sabariyah yang mengisahkan seorang gadis bernama Sabariyah yang dikahwinkan dengan Si Pulai. Kehidupan Sabariyah dan Si Pulai yang daif telah memaksa Si Pulai merantau mencari rezeki. Disebabkan tiada berita dari Si Pulai, ibu Sabariyah meminta agar Sabariyah meminta cerai dari Si Pulai untuk dikahwinkan dengan seorang pemuda kaya. Si Pulai yang baru pulang mendengarkan pujukan ibu Sabariyah telah membunuh Sabariyah dan kemudian membunuh diri. Kisah yang pertama kali ditulis ini telah mendapat perhatian besar.

Hamka telah merangsang golongan cendekiawan Melayu untuk lebih berani menampilkan diri mereka sebagai hukama yang kuat bertaut pada akar sendiri melalui pemikiran yang lahir daripada akal budi dan jati diri Melayu yang sebenar. Dengan kata lain, beliau berjaya membawa al-Quran dan Islam hidup serasi dengan budaya umat Melayu. Ternyata hakikat ini dapat dilihat di dalam karya-karya beliau.

Bertitik tolak daripada konsep ini yang tidak lari dari pandangan Islam berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah di mana terpancarlah akal budi dan budaya Melayu yang menyentuh pekerti, keperibadian dan akhlak terpuji. Al-Quran mengasuh, mengasah dan membawa dimensi baru yang lebih luas untuk akal berfikir. Al-Quran memandu jalan berfikir manusia ke arah kebaikan. Akhlak yang paling baik adalah akhlak yang berpandukan Al-Quran. Pemerkasaan jati diri Melayu-Islam berpaksikan kepada beberapa prinsip utama iaitu Islam sebagai agama dan sistem kepercayaan yang menjadi teras kepada jati diri bangsa Melayu. Selain itu, perwatakan, adab dan kesusilaan

orang Melayu adalah berasaskan kepada prinsip tauhid dan hukum syarak. Manakala prinsip yang ketiga ialah penghayatan nilai tauhid dalam sistem kehidupan samaada dalam entiti keluarga, masyarakat atau negara (Zakaria Stapa, Noranizah Yusof dan Abdul Fatah Shahaudin, 2012).

### **Perjalanan Hidup HAMKA**

Menurut Ridwan Saidi (1980), “Hamka adalah teladan yang tidak cukup dikatakan dengan seribu perkataan. Sebanyak apa pun menuliskan kebaikan Hamka, masih tetap lebih banyak lagi yang tak terungkapan”. Abang iparnya A.R Sutan Mansur pernah menulis: ... Dari kecil dalam diri Abdul Malik Karim Amrullah memang sudah ada tanda-tanda menjadi orang besar. Kata dan fikirannya selalu didengar oleh teman-teman sebayanya, menjadikan dia selalu menonjol dalam pergaulan... sememangnya Hamka itu membina ilmu dengan belajar sendiri dari madrasah ke madrasah, dari seorang guru ke seorang guru, dari buku ke kitab dalam kutubkhanah serta pengamatan dan kesedaran yang tinggi selain keupayaan beliau menghafal dan daya ingatan yang sangat kuat. Beliau tidak pernah duduk di pengurusan tinggi, tetapi dia menjadi professor di pengurusan tinggi. Bagi saya Buya Hamka adalah lambang dari kekerasan hati, ketekunan dan keuletan untuk satu tujuan hidup (H. Harmoko, 1983).

Hamka merupakan seorang tokoh ilmunan yang terkenal bukan sahaja di Indonesia malahan di seluruh pelosok Negara Islam. Nama sebenar beliau ialah Abdul Malik bin Karim Amrullah. Beliau dilahirkan pada tanggal 16 Febuari 1908 (Mohd Syauki Bin Md Zahir 2010). Ada juga pengkaji yang menyatakan bahawa beliau dilahirkan pada 17 Febuari 1908 di Nagari Sungai Sungai Batang berdekatan dengan Tasik Maninjau di Sumatera Barat (Mazlan Ibrahim & Suhaila Zakaria 2010).

Selain terkenal di dalam negaranya sendiri iaitu Indonesia, Hamka juga tersebar dan masyhur di negara jiran tetangga seperti Malaysia, Brunei, Singapura dan juga di beberapa buah Negara Arab. Dalam kalangan mereka yang rapat dengan beliau, Hamka turut dipanggil dengan gelaran Buya iaitu panggilan masyarakat tempat kelahirannya Minangkabau yang membawa maksud ayah ataupun seseorang yang dihormati dalam kalangan masyarakat (Mohd Zulfadlee Abul Hassan Ashari dan Ezad Azraai Jamsari 2010). Walaupun dikenali sebagai tokoh ulama pembaharuan, Hamka juga turut diiktiraf sebagai seorang pendidik, sasterawan, aktivis politik dan juga pendakwah.

Peringkat awal kehidupannya, Hamka memperolehi pendidikannya di Sekolah Dasar Maninjau sehingga darjah dua sahaja kerana selepas itu beliau menyambung pelajaran di Thawalib yang diasaskan oleh bapanya sendiri di Padang Panjang. Di sekolah ini, Hamka mulai mempelajari ilmu agama dan Bahasa Arab. Selain berguru dengan ayahnya sendiri, Hamka juga pernah belajar ilmu-ilmu agama dari ulama-ulama terkenal seperti Syeikh Ibrahim Musa, Syeikh Ahmad Rasyid, Sutan Mansur, R.M. Surjoparonto dan Ki Bagus Hadikusumo (Mohd Zulfadlee Abul Hassan Ashari & Ezad Azraai Jamsari, 2010).

Hamka mula melibatkan diri dalam dunia pekerjaan dengan menjadi guru agama di sekolah Agama Perkebunan Tebing Tinggi pada tahun 1927. Beliau juga pernah dilantik sebagai pensyarah di Universiti Islam Jakarta dan Universiti Muhammadiyah Padang Panjang sekitar tahun 1957-1958. Selain itu, beliau turut pernah diangkat sebagai Rektor Perguruan Tinggi Islam Jakarta dan Profesor Universiti Mustopo Jakarta. Hamka juga pernah menjawat jawatan Pegawai Tinggi Agama Islam Indonesia sekaitar tahun 1951 hingga 1960 namun kemudiannya telah melepaskan jawatan tersebut kerana mahu melibatkan diri dalam aktiviti politik (Witrianto, 2010).

Karismatik yang ada pada diri Hamka telah mengakibatkan beliau diberi kepelbagaian gelaran samada dari dalam mahupun luar Indonesia. Beliau pernah digelar sebagai ‘Tuanku Syaikh’ yang membawa pengertian ulama besar. Kerajaan Indonesia juga turut mengiktiraf sumbangan Hamka dalam perjuangan menuntut kemerdekaan dengan mengurniakan gelaran ‘Pangeran Wiroguno’. Di luar Negara, Hamka pernah dikurniakan dengan gelaran ‘Ustaziyyah Fakhriyyah’ dari Universiti Al-Azhar Mesir kerana sumbangannya yang besar dalam dunia pendidikan dan dakwah. Begitu juga di Malaysia, Hamka pernah dianugerahkan dengan gelaran Profesor dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (Ahmad Kamil Haji Abdullah & Muhammad Nazri Ahmad, 2003).

Selain daripada aktif melibatkan diri dalam bidang pendidikan, dakwah dan politik, Hamka juga turut dikenali sebagai seorang penulis prolific dan sasterawan yang tersohor. Antara penulisan beliau yang terhebat dan masih diingati dan diminati sehingga kini adalah *Tasawuf Modern* (1939), *Falsafah Hidup* (1939) *Lembaga Hidup* (1940) *Lembaga Budi* (1940) *Tafsir al Azhar 1-30 juzuk*, *Sejarah Umat Islam jilid 1-4* dan banyak lagi (Mestika Zed, 2000). Dalam bidang sastera pula, beliau pernah menghasilkan beberapa buah karya yang hebat seperti ‘*Tenggelamnya kapal Van der Wijck*’, ‘*Di bawah Lindungan Kaabah*’, ‘*Merantau ke Deli*’, ‘*Tuan Direktor*’ dan lain-lain lagi.

Abdul Malik juga berkesempatan belajar di perguruan Thawalib yang dipimpin ayahnya selama beberapa waktu, namun tak sampai tamat. Salah satu kesukaannya ialah mengembara mengunjungi perguruan pencak silat, mendengar senandung dan kaba, iaitu kisah-kisah rakyat yang dinyanyikan dengan alat muzik tradisional, rebab dan salung. Beliau rajin membaca terutamanya karya-karya sastera, baik yang berbahasa Melayu mahupun berbahasa Arab. Kegemaran membaca atau belajar sendiri, dan pemandangan alam Minangkabau yang indah dengan gunung-gunung dan danau, ditambah lingkungan keluarga yang taat beragama, adalah merupakan asas pertumbuhan Abdul Malik tatkala mudanya.

Majalah Pedoman Masyarakat di bawah pimpinan Hamka berkembang dengan pesat. Melalui majalah ini, lahirlah karya-karya besar seperti *Tasawuf Modern*, *Falsafah Hidup*, *lembaga Hidup* dan *Lembaga Budi*, semua yang diterbitkan berupa buku-buku Islam. Di samping itu, melalui karya bersambung, lahir pula karya-karya sasteranya seperti *Di bawah Lindungan Kaabah*, *Tenggelamnya Kapal van Der wijck*, berupa cerita bersambung dalam majalah Pedoman Masyarakat dan beberapa cerita-cerita pendek yang dikumpulkan dalam buku *Di Lembah Kehidupan*. Baik Pedoman Masyarakat mahupun buku-buku agama dan sastera, karya Abdul Malik ini tersebar dan dibaca luas di seluruh Indonesia. Karya-karya ini telah mengangkat namanya sebagai sasterawan pada masa itu dengan menggunakan nama Hamka iaitu singkatan daripada Haji Abdul Malik Karim Amrullah.

## Metodologi kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan pendekatan biografi yang mengkaji pemikiran tokoh. Data dikumpulkan menggunakan kaedah dokumentasi dan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Dalam kajian ini juga akan melihat nilai-nilai Islam yang diterapkan dalam karya-karya Hamka sebagai satu usaha memperkasa jati diri kepada pembaca sehingga ia dapat dihayati dan dijadikan teras di dalam kehidupan seharian.

## **Ulasan karya**

Yus'aiman Jusoh@Yusoff (2019) dalam kajiannya membincangkan sumbangan dan legasi Hamka sebagai ulama tersohor nusantara. Menurutnya, Hamka telah menghasilkan sejumlah besar karya yang merangkumi karya ilmiah, kreatif dan kitab tafsir. Hamka telah memberikan sumbangan multidemensi kepada pembinaan, pelestarian, pembangunan umat Islam yang sangat bernilai sebagai inspirasi kepada umat Islam dalam kehidupan.

Abdullah (2011) yang mengkaji pemikiran dan perjuangan dakwah Hamka dan M.Natsir, melihat empat perkara iaitu strategi perjuangan dakwah; pendekatan dakwah kultural dan struktural serta konsep untuk kejayaan dakwah dengan menggunakan pendekatan sejarah. Dakwah tidak terhad pada bidang ibadah sahaja tetapi meliputi ekonomi, politik, sosial budaya dan persekitaran. Untuk kejayaan dakwah kultural masa depan, dua model pendakwah amat diperlukan iaitu ulama yang intelektual dan intelektual yang 'alim. Sementara untuk menjayakan dakwah struktural, perlu sokongan dan kerjasama antara organisasi dakwah dengan kerajaan.

Zakaria Stapa, Noranizah Yusof, Abdul Fatah Shaharudin (2012) dalam artikel bertajuk Islam asas pembentukan jati diri bangsa Melayu-Muslim membincangkan pengaruh Islam terhadap pembentukan jati diri bangsa Melayu. Usaha untuk memantapkan semula jati diri bangsa Melayu berkait rapat dengan usaha menyampaikan dakwah Islam. Dalam hal ini, hanya keimanan yang mantap sahaja yang mampu menangani sebarang anasir-anasir luar yang merosakkan.

Manakala Tajul Ariffin dan Nor Aini Dan (2002) menyatakan bahawa untuk menjana kekuatan sesebuah bangsa dan negara, kekuatan agama perlu dibina di semua peringkat pendidikan. Asas-asas pembinaan manusia harus bersepadu dan bermula dengan pembinaan akidah yang benar dan kukuh.

Abdul Rahman Abdul Aziz (2002) membincangkan nilai mencapai kehidupan sejahtera. Nilai-nilai terbentuk dalam diri individu melalui sosialisasi, pendidikan, orbit persahabatan, bacaan dan interaksi dengan individu-individu yang lain. Kehidupan yang sejahtera adalah matlamat pembangunan negara. Justeru, peri pentingnya pengamalan nilai kesejahteraan dalam kehidupan masyarakat seperti yang disarankan oleh Hamka.

## **Dapatan kajian dan Perbincangan**

Prinsip yang pertama untuk memperkasakan jati diri ialah agama Islam sebagai agama dan sistem kepercayaan yang menjadi teras kepada jati diri bangsa Melayu. Hamka tidak menanggapi Melayu dalam pengertian sempit etnik yang dicirikan oleh darah dan daerah. Menurutnya sudah tidak ada lagi orang yang benar-benar berdarah Melayu murni. Untuk mendefinisikan Melayu, beliau mengambil kriteria yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w ketika mendefinisikan Arab iaitu siapa sahaja yang berbahasa Arab. Demikian pula Hamka mentakrifkan Melayu iaitu setiap orang yang berbahasa Melayu, berfikir, merasa, menangis dan ketawa, tidur dan bangun dalam bahasa Melayu. Pentakrifan bangsa berasaskan bahasa bertepatan pula dengan pepatah Melayu, bahasa menunjukkan bangsa. Sememangnya bahasa adalah cerminan jiwa dan pancaran budi.

Hasjmy seorang penyair terkemuka Aceh mengakui Hamka sebagai ulama dan sasterawan yang sentiasa berusaha untuk mendidik dan membawa masyarakat Islam ke suatu arah yang diredhai oleh Allah S.W.T. Menurut beliau:

Karya-karya Hamka, baik dalam bentuk ceritera pendek ataupun dalam bentuk novel, mempunyai gaya bahasa tersendiri; halus dan memikat, kadang-kadang mengarah bahasa tasawuf (Hasjmy, 1979, hlm. 151)

Novel *Di Bawah Lindungan Kaabah* ditulis pada tahun 1936, pertama kali terbit di majalah Pedoman Masyarakat. Plot novel disajikan dalam bentuk cerita berbingkai, dengan latar sejarah pada masa awal pergerakan Islam di bumi Nusantara bersamaan dengan masa awal kejayaan kekuasaan di tanah suci Mekah al-Mukarramah dari tangan Syarief Husin ke tangan Ibnu Saud yang terjadi pada kurun sekitar tahun 1927M. Nuasa keislaman begitu kental mewarnai sejak awal sampai akhir cerita, hal ini dapat dilihat dari watak-watak, latar budaya, plot cerita yang sarat dengan muatan unsur-unsur keislaman. Dalam karya kreatif Hamka iaitu novel *Di Bawah Lindungan Kaabah*, Islam merupakan keutamaannya bukan sahaja watak Hamid digambarkan sebagai seorang Islam yang sejati tetapi persekitaran dan kata-kata yang diungkapkan oleh watak Hamid dan watak-watak yang lain juga bersifat Islamik. Ini pernah ditegaskan oleh Junus Amir Hamzah yang telah melakukan kajian terhadap karya-karya roman Hamka, beliau menyatakan bahawa:

...karya-karya Hamka ialah masalah-masalah Islam yang berputar sekitar akidah (kepercayaan), ibadat, akhlak dan terutama masalah-masalah yang erat hubungannya dengan ajaran tasawuf, iaitu pendekatan diri kepada Tuhan, dan di atas landasan itu dibina pendekatan terhadap individu dalam masyarakat.

Hamka juga pernah mengungkapkan: “Kepercayaan dan keyakinan itu dipelihara baik-baik, diasah dan diasuh dijadikan ‘tujuan hidup’ . . . Adakah Yang Maha Kuasa di dalam alam ini selain Allah?” (Hamka, 1974). Menurut beliau lagi:

...mengarang adalah suatu perjuangan, bukan hanya sekadar mau bersenandung memuja alam dan keindahan belaka. Mengarang adalah suatu mata rantai perjuangan yang panjang menegakkan Islam dari sector kebudayaan, yang di dalamnya terdapat unsur-unsur seni, akhlak, budi dan daya, serta ilmu pengetahuan, dengan Islam sebagai sumbernya. (Rusydi Hamka, 1981, hlm. 41)

Agama Islam dikatakan berkembang di Indonesia pada zaman novel ini ditulis. Ini menunjukkan didikan dan ajaran yang bersifat islamik sudah diterapkan dalam diri setiap individu sejak kecil lagi. Masyarakat pada masa itu juga sudah menjadikan agama Islam sebagai pelengkap hidup mereka sehingga ada yang sempat menunaikan haji di bumi Allah iaitu Mekah bagi memenuhi tuntutan rukun Islam yang kelima iaitu seruan haji bagi yang berkemampuan. Selain itu, manusia sering diingatkan agar sentiasa berdoa ketika senang mahupun dalam kesusahan. Hamka memperlihatkan watak Hamid yang sering berdoa kepada Allah S.W.T supaya memberinya kekuatan dalam menghadapi segala kemelut yang melanda. Ini kerana yang dinamakan manusia itu tidak pernah terlepas dari diuji. Hamid sentiasa berdoa mengadu masalahnya kepada yang Maha Esa:

*“Satu kali terlihat oleh saya, ketika saya mengerjakan tawaf keliling Kaabah, dia bergantung kepada kiswah, menghadapkan mukanya ke langit, air matanya titik amat derasnyanya membasahi serban yang membalut dadanya, kedengaran pula dia berdoa, Ya Allah! Kuatkanlah hati hamba-Mu ini”* (hlm. 9).

*“Ya Rabbi, Ya Tuhanku, Yang Maha Pengasih dan Penyayang! Bahawasanya, dibawah lindungan Kaabah, Rumah Engkau yang suci dan terpilih ini, saya menadahkan tangan memohon kurnia.* (hlm. 95).

*Kepada siapakah saya akan pergi memohon ampun, kalau bukan kepada Engkau, ya Tuhan!*

*Tidak ada seutas tali pun tempat saya bergantung selain daripada tali Engkau, tidak ada satu pintu yang akan saya ketuk selain daripada pintu Engkau.*

*Berikan kelapangan jalan buat saya hendak pulang ke hadirat Engkau, saya hendak menuruti orang-orang yang dahulu dari saya, orang-orang yang bertali hidupnya dengan hidup saya.*

*Ya Rabbi, Engkaulah Yang maha Kuasa, kepada Engkaulah kami sekalian akan kembali... ”*

Hidup ini hakikatnya adalah satu ujian. Kita mesti meyakini bahawa ujian yang menimpa umat Islam adalah sunnatullah (peraturan Allah) yang tidak ada sesiapa pun dapat menghindarkannya. Firman Allah S.W.T, “Dijadikan mati dan hidup kepada kamu untuk menguji siapakah yang terbaik amalannya.” (Surah al-Mulk: 2). Orang Islam diuji untuk menyerlahkan nilai dirinya di sisi Allah S.W.T. Dengan ujian sakit, barulah diketahui tahap kesabaran. Bila diuji dengan peperangan, baru terserlah tahap keberanian. Khususnya bagi orang yang beriman, ujian didatangkan untuk menilai dan mengukur semula sejauh mana keimanan kita kepada Allah S.W.T. Oleh itu, iman dan ujian saling berkaitan. Apabila diuji barulah diketahui apakah hati itu telah yakin (beriman) ataupun masih ragu-ragu.

Daripada perspektif Islam, jiwa sesuatu bangsa itu dikatakan merdeka setelah mereka menerima hakikat dan yakin bahawa “Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, dan Nabi Muhammad itu adalah Pesuruh-Nya”. Hakikat ini memberikan landasan kepercayaan ataupun akidah. Akidah ini terpancar dalam keyakinan, pemikiran, amal dan perbuatan. Asas inilah yang boleh menjadikan umat Melayu sebagai umat pilihan, memiliki contoh yang boleh diteladani, pemimpin yang sifatnya menaungi dan memiliki ketangkasan berfikir dan bertindak atas landasan *adil wal ihsan*. (Sidek Baba, hlm. 11).

#### Falsafah Hidup....Lembaga Budi....

Pembentukan sifat-sifat serta watak seseorang individu atau sesuatu bangsa ini dipengaruhi oleh banyak faktor antaranya ialah faktor alam, persekitaran, pengalaman sejarah dan kepercayaan. Walau bagaimanapun, faktor yang paling utama dan dominan ialah faktor kepercayaan atau agama. Agama memberi manusia pandangan sarwa yang jelas dan menyeluruh tentang diri, Pencipta dan alam serta kedudukan dan peranannya dalam alam semesta ini (Ahmad Mohamad, 2009).

Selain itu, perwatakan, adab dan kesusilaan orang Melayu adalah berasaskan kepada prinsip tauhid dan hukum syarak. Dengan wujudnya sifat ini akan dapat memperkasakan jati diri dalam masyarakat terutama generasi muda. Akhlak seperti yang difahami iaitu kehalusan, kebaikan dan kewajaran pelakuan, tindakan, fiil perangai, budi bahasa dan pekerti seseorang dari segi kemanfaatan, kegembiraan, kesenangan dan kebaikan kepada dirinya dan juga kepada makhluk lain. Akhlak boleh diibaratkan sebagai bunga dan buah daripada segala semaian amal ibadat, perbuatan dan perlakuan. Ukuran kejayaan sebenarnya terjelma di dalam pembentukan seorang insan yang baik berakhlak mulia, iaitu seorang yang berperibadi mulia, halus budi bahasa dan pekerti dengan perwatakan dan hemah yang tinggi.

Dalam karya-karya Hamka terdapat banyak unsur-unsur nasihat yang sentiasa mengajak pembaca agar melakukan perbuatan yang baik dan nasihat tersebut adalah semata-mata untuk menjaga kepentingan mereka pada masa hadapan di dunia dan akhirat. Dalam hal ini, Al-Bayanuni

(1993) telah menyenaraikan beberapa bentuk kata-kata yang termasuk ke dalam nasihat yang baik iaitu kata-kata yang berterus terang tetapi dengan lembut dan halus, suatu penjelasan yang lembut dan difahami, suatu kiasan yang beradab, bentuk cerita, bentuk jenaka, mengingatkan nikmat-nikmat yang boleh membawa kepada kesyukuran, penjelasan tentang pujian daripada Allah S.W.T, penjelasan tentang celaan daripada Allah S.W.T. dan janji-janji buruk dariNya yang menakutkan, rangsangan yang baik daripada Allah S.W.T., penjelasan tentang janji-janji Allah S.W.T. dengan kemenangan dan kekuatan dan penerangan supaya tahan diuji dan sabar. Ini jelas terkandung dalam semua karya-karya Hamka yang seharusnya menjadi pembacaan dalam masyarakat di Malaysia.

Karya ilmiah Hamka iaitu *Lembaga Budi*, menghuraikan tentang peri pentingnya budi yang didasarkan Al-Quran sehingga kita dapat mencari jati diri kita sebagai umat Muhammad. Selain didasarkan pada Al-Quran, budi-budi tersebut juga didasarkan pada sunah-sunah Nabi. Setiap perilaku Nabi Muhammad S.A.W itu bijaksana kerana baginda adalah orang yang diutus oleh Allah S.W.T sebagai pembawa rahmat untuk seluruh umat. Dialah pelengkap segala akhlak yang mulia. Sabda baginda S.A.W:

Maksudnya: Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.

Ketika Aisyah R.A. ditanya mengenai akhlak baginda S.A.W, dia menjawab, “Sesungguhnya akhlak baginda adalah Al-Qur’an”. Allah S.W.T memuji baginda dalam firman-Nya dalam Surah Al-Qalam, ayat 4:

Maksudnya: Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung. Sesungguhnya, kedatangan Rasullullah saw adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia seperti yang tercatat dalam surah al-Ahzab, ayat 21:

Sesungguhnya bagi kamu pada diri Rasullullah S.A.W. itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah S.W.T dan (balasan baik) hari akhirat serta ia pula menyebut dan mengingatkan Allah S.W.T banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

Hamka sentiasa percaya bahawa Allah S.W.T akan senantiasa memberikan pertolongan kepada mereka yang inginkan perubahan ke arah membina budi dan keperibadian Islam yang hebat.

Selain itu, dalam karya kreatif beliau, Hamka juga banyak memberi nasihat berkaitan dengan akhlak yang baik. Dalam *Di Bawah Lindungan Kaabah*, Hamka menggambarkan watak Hamid adalah seorang mukmin yang sejati, yang sentiasa mengabdikan diri kepada Allah S.W.T dan menjalankan kewajibannya sebagai seorang yang beragama Islam. Ini jelas kelihatan dalam ayat-ayat di bawah:

*Melihat kebiasaannya yang demikian dan sifatnya yang salih, saya menaruh hormat yang besar atas dirinya dan saya ingin berkenalan. Maka dalam dua hari saja berhasillah maksud saya itu; saya telah beroleh seorang sahabat yang mulia dan patut dicontohi. Hidupnya amat sederhana, tiada lalai dari beribadat, tiada suka membuang waktu kepada yang tiada berfaedah, lagi amat suka memerhatikan buku-buku agama, terutama kitab-kitab yang menerangkan kehidupan orang-orang yang suci, ahli-ahli tasawuf yang tinggi. (hlm. 7)*



*Bila saya terlanjur membicarakan dunia dan hal ehwalnya, dengan amat halus dan tiada terasa perbicaraan itu dibelokkannya kepada kehalusan budi pekerti dan ketinggian kesopanan agama, sehingga akhirnya saya terpaksa tunduk dan memandangnya lebih mulia daripada biasa. (hlm. 7)*

*Kemudian saya insaf, bahawa alam ini penuh dengan kekayaan. Allah S.W.T menunjukkan kekuasaannya. Tidaklah adil jika semua makhluk dijadikan dalam tertawa, yang akan menangiskan mesti ada pula. Kita mesti mengukur perjalanan alam dengan ukuran yang luas, bukan dengan nasib sendiri. (hlm. 60)*

Akal budi Melayu dizahirkan melalui keperibadian yang mulia. Keperibadian mulia lahir melalui didikan yang diterima oleh seseorang itu. Dalam konteks ini, Ibu Hamid yang telah bersusah payah memberi didikan dunia mahupun akhirat agar Hamid menjadi manusia yang berguna.

*Ibu pun menunjukkan kepadaku beberapa doa dan bacaan, yang menjadi wirid daripada almarhum ayah semasa masih hidup, menghamparkan pengharapan yang besar-besar kepada Tuhan semesta sekalian alam, memohon belas kasih-Nya. (hlm. 15)*

*Umur saya telah masuk enam tahun, setahun lagi sudah mesti menduduki bangku sekolah, walaupun sekolah yang semurah-murahnya, sekolah desa misalnya, tetapi yang akan menolong dan membantu taka da sama sekali. Tetapi ibu kelihatan tidak putus harapan, dia berjanji akan berusaha kelak saya menduduki bangku sekolah, membayarkan cita-cita almarhum suaminya yang sangat besar angan-angannya supaya kelak saya menjadi orang yang terpakai dalam pergaulan hidup. (hlm. 16)*

Imam Al-Ghazali (505H/1111M) menjelaskan terdapat empat kaedah yang boleh diikuti oleh seseorang untuk membentuk akhlak mulia iaitu:

1. Sentiasa bergaul dengan guru yang dapat melihat dan menilai segala kekurangan akhlak yang ada pada dirinya dan mematuhi nasihat yang diberikan oleh guru.
2. Mencari teman yang benar-benar dapat mengawasi dan menegur perbuatan yang buruk.
3. Mendengar dan memerhati segala kekurangan diri yang dilontarkan oleh pihak musuh kerana mereka lebih berterus terang mengkritik tentang keburukkan diri berbanding ucapan rakan-rakan yang suka menyembunyikan sesuatu keburukan.
4. Menggauli manusia dengan mengawasi sifat-sifat yang tercela dan mengambil pelajaran untuk memperbaiki diri sendiri. Sesungguhnya seorang mukmin merupakan cermin kepada mukmin yang lain.

Abu Yusuf bin al-Hussain (303h/916M) menyatakan bahawa hanya dengan adab dapat memahami ilmu, dengan ilmu dapat memperbetulkan amal ibadat, dengan amal ibadat akan tercapai hikmah, dengan hikmah menghasilkan zuhud, dengan zuhud meninggalkan dunia, dengan meninggalkan dunia akan bersegera dengan urusan akhirat, dengan bersegera dengan urusan akhirat akan meninggikan darjat di sisi Allah swt. Sahsiah diri yang mantap melambangkan keunggulan akhlak yang baik. Akhlak yang baik pula ada kaitan perhubungan yang sangat rapat antara seseorang hamba dengan Allah swt.

## Kesimpulan

Seandainya masyarakat kini ingin bangkit mengulangi kegemilangan sejarah masa lalu, semangat iqra' harus disegarkan. Semangat iqra' adalah ghairah merebut kurnia ilmu demi pengabdian terhadap Yang Maha Pencipta. Ketekunan membaca karya-karya yang baik perlu ada dalam kalangan masyarakat terutama generasi muda dalam memperkasakan jati diri mendepani arus globalisasi yang semakin mencabar. Hamka menjadikan bahasa, tulisan dan sastera sebagai sarana untuk umat manusia agar terus menjadikan al-Quran dan as sunnah itu sebagai pegangan hidup agar tidak tergelincir dari landasan Islam yang sebenar. Garapan cerita yang padu, mengandungi akal budi Melayu yang jitu, mampu memberi kesedaran kepada khalayak pembaca. Kesedaran yang berpanjangan akan sebuah hakikat kehidupan yang pasti akan ada penghujungnya, membuatkan kita merasakan bahawa setiap manusia perlu menjalani kehidupan di dunia ini mengikut landasan yang benar iaitu Islam. Sesungguhnya karya-karya Hamka ini sarat dengan nasihat-nasihat yang boleh dijadikan panduan dalam kehidupan. Benarlah kata-kata Buya Hamka, hujung akal pangkal agama. Hakikat yang satu dan yang nyata ialah perjuangan kerana Allah S.W.T tidak pernah terlepas pandang oleh Hamka dalam setiap karya yang dihasilkannya.

## Rujukan

- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2002). *Pemikiran etika HAMKA*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Abdullah. (2011). *Pemikiran dan perjuangan dakwah Hamka dan M.Natsir: Kajian terhadap dakwah kultural dan struktural*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- A. Aziz deraman. (2001). *HAMKA: Hukama' Melayu yang ulung. HAMKA dan transformasi sosial di alam Melayu* (hlm. 13-16). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- El-Muhammady, Muhammad' Uthman. (2001). *Beberapa aspek dari pemikiran HAMKA tentang pendidikan. HAMKA dan transformasi sosial di alam Melayu* (hlm. 69-92). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fathin Noor Ain Ramli dan Azhar Wahid. (2019). *Pengurusan identiti bangsa dalam Trilogi karya Hamka: Suatu pengenalan. Jurnal Peradaban Melayu*, Jilid 14 (hlm. 35-48).
- H. Rushidi Hamka. (2001). *HAMKA pujangga Islam kebanggaan rumpun Melayu: Menatap peribadi dan martabatnya*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.
- Hashim Haji Musa. 2008. *Hati budi Melayu: Pengukuhan menghadapi cabaran abad ke 21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hamka. (2017). *Falsafah hidup*. Selangor: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Hamka. (1976). *Di bawah Ling*
- Mustafa Daud. (2001). *Pemikiran kesusasteraan dalam karya HAMKA : Keunikan dan sumbangan. HAMKA dan transformasi sosial di alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rushdi HAMKA. 1981. *Pribadi dan martabat Buya Prof. Dr. HAMKA*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Wan Abdul Kadir. 1994. *Nilai dan world-view orang Melayu*. Kota Bharu dan Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Wan Hashim. 2012. *Rumpun Melayu. Teori Migrasi dan Diaspora*. Kuala Lumpur: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Yus'aiman Jusoh @ Yusoff. (2014). *Pembebasan sebagai tema perjuangan: Analisis terhadap karya kreatif Hamka*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia, Kedah.